

Tingkatkan daya kepimpinan

► UMS hantar mahasiswa ke Himpunan IKTIRAF Kebangsaan

UNIVERSITI Malaysia Sabah (UMS) menghantar lima mahasiswa ke program Himpunan Ikatan Hati Warga Felda (IKTIRAF) Kebangsaan yang berlangsung di Dataran Pancarona Putrajaya baru-baru ini.

Rombongan mahasiswa itu diketuai Pengerusi Permuafakatan Siswa Siswi Felda (Persada) UMS Datu Rosman Datu Ahir Zaman yang juga warga Wilayah Felda Sahabat Lahad Datu.

Beliau bersama empat mahasiswa lain turut menyertai pelbagai program yang berlangsung selama tiga hari itu.

Mereka ialah Nur Fatimah Abd Halim, Hasbullah Abd Samat, Ahmad Khusairi Abd Jalil-Feld dan Mohd Khairul Ariffin Uding.

Menurut Rosman, pelbagai pengalaman berguna telah diperoleh sepanjang



ROSMAN naik ke pentas menerima hadiah kemenangan yang disampaikan Najib.

mengikuti program berkenaan yang dihadiri lebih 25,000 warga Felda dari seluruh negara.

"Pada himpunan itu, kami telah menghadiri Forum Perdana, Malam bersama Ustaz Kazim Elias,

Malam Cinta Rasul serta Konvensyen Generasi Baharu Felda," katanya ketika dihubungi selepas program itu.

Katanya, kesempatan untuk menyertai slot forum Pemerkasaan Sosial dan



ROMBONGAN UMS bersama Ketua Seranta Sabah Asmarah Rikun (tiga kiri) yang juga ketua kontinjen bagi wilayah Sahabat di Himpunan IKTIRAF kali ini.

Komuniti Generasi Baharu Felda Cemerlang di dataran Pancarona Putrajaya juga sangat bermakna apatahlagi panel forum itu adalah tokoh-tokoh yang hebat seperti Ahli Lembaga Pengarah Felda merangkap pengerusi Latihan Khidmat Negara Datuk Ehsanuddin

Mohd Harun Narrashid. Kemuncak acara itu turut menyaksikan Rosman bersama kontinjen Persatuan Belia (MBFM) Felda Sahabat 2, Felda Wilayah Sahabat, Sabah yang memenangi Piala Perdana Belia Felda Malaysia tampil ke atas pentas bagi menerima hadiah dan

anugerah berkenaan. Majlis perasmian dan penyampaian hadiah disempurnakan Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Najib Tun Razak. Dalam pada itu, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar UMS Profesor Madya Dr Ismail Ali ketika

dihubungi berkata, pihaknya sentiasa menyokong program-program seumpama itu demi pembangunan generasi muda yang berdaya saing termasuk dalam kalangan belia Felda.

"Program ini sangat bermanfaat dalam memberikan pendedahan kepada para pelajar universiti agar kelak mampu menjadi pelapis pemimpin yang cemerlang. Justeru, kita menghantar mahasiswa bagi memastikan mereka mendapat pendedahan dan pengalaman untuk memantapkan lagi minda dan aspek sahsiah serta peningkatan jati diri," katanya.

Himpunan IKTIRAF Kebangsaan itu diadakan buat edisi yang ke-7 melalui gabungan penganjuran bersama Seranta Felda, Jabatan Perdana Menteri, Felda dan Majlis Belia Felda Malaysia.



ROMBONGAN UMS bersama peserta dari IPTA lain bergambar bersama Pengerusi Felda Tan Sri Isa Samad (berdiri, tengah).



ROMBONGAN Mahasiswa UMS bergambar bersama salah seorang ahli panel forum Tan Sri Nordin Kardi (dua kiri). Turut kelihatan Datu Rosman (tiga kiri) Ketua Seranta Sabah Asmarah Rikun (empat kiri).